



Teori Institusi: Tekanan Persekitaran Dalam Pengurusan Pensijilan Halal

Institutional Theory: Environmental Pressure in Halal Certification Management

SITI HAWA RADIN EKSAN (Corresponding Author)
Jabatan Ekonomi dan Pengurusan
Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bangi Selangor
sitihawa@kuis.edu.my

NORAZLISHAM MOHD AMIN
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bangi Selangor
norazlisham.mohd.amin.my@gmail.com

Pengurusan Pensijilan Halal

01

Submitted: 22 February 2018
Revised: 12 July 2018
Accepted: 18 October 2018
E-Published: 29 October 2018

ABSTRAK

Industri makanan halal telah berkembang dan memainkan peranan yang penting kepada komuniti Muslim bukan hanya di negara ini tetapi juga di seluruh dunia. Perkembangan ini telah menjadikan aspek persijilan halal semakin mendapat perhatian dan menjadi tumpuan kajian di kalangan sarjana pengurusan halal dan pengamal industri. Terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa kewujudan lompong teoritikal di dalam kajian yang terdahulu adalah petunjuk kepada kurangnya pemahaman dan pembangunan teori di dalam bidang ini. Kertas konseptual ini bertujuan untuk mengisi sebahagian daripada perbincangan tersebut dengan memberi tumpuan kepada tekanan persekitaran melalui perspektif teori institusi di dalam kajian pengurusan persijilan halal. Kajian yang berterusan sama ada kajian konseptual atau empirikal perlu diteruskan untuk membincangkan lebih banyak lagi isu-isu yang berkaitan penggunaan teori di dalam industri halal, khususnya aspek pengurusan persijilan halal.

Kata Kunci: Pengurusan Persijilan Halal, Persijilan Halal, Sistem Jaminan Halal, Teori Institusi






ABSTRACT

Halal food industry has been growing and playing significant role to the Muslim community, not only in this country but also worldwide. Such development that leads to halal certification and halal management certification are getting more attention and becoming area of research focus among the halal management's scholars and practitioners. There is a claim that suggests theoretical gaps in prior literatures is a manifestation of lack of understanding and development theory in this field. This conceptual paper aims to fill part of the discussion by focusing on environmental pressure through institutional theory perspective in halal certification management studies. Continuous research whether conceptual or empirical studies should be continued to discuss more issues related to the implementation of the theory in the halal industry, particularly in the aspects of halal certification management.

Keywords: Halal Certification Management, Halal Certification, Halal Assurance System, Institutional Theory

PENGENALAN

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kajian tentang halal telah menarik perhatian daripada pelbagai pihak seperti pengamal industri, penguatkuasa dan juga ahli akademik. Kajian-kajian terdahulu dikatakan lebih bertumpu kepada isu integrati, etika, keraguan terhadap standard kerana ketiadaan keseragaman, serta manipulasi persijilan halal akibat daripada perbezaan operasi dan fungsi perlaksanaan (Abdul-Talib & Abd-Razak, 2013; Ismaeel & Blaim, 2012; Shafie & Othman, 2006). Ini adalah satu perkembangan yang positif kerana potensi pasaran halal adalah sangat besar. Pasaran makanan halal pada tahun 2014 dilaporkan bernilai USD\$1.37 trilion, iaitu 18.2% daripada pasaran makan global pada tahun tersebut (International Trade Centre, 2015).



(Sumber: Google Trends, 2018)



Kesedaran yang semakin meningkat di kalangan masyarakat Islam serta penerimaan produk halal di kalangan pengguna bukan Islam melalui konsep diet halal, telah merancakkan lagi pertumbuhan pasaran makanan halal (Abdul-Talib & Abd-Razak, 2013; Adams, 2011; Wilson & Liu, 2010). Berdasarkan kepada tinjauan di laman sesawang Goolge Trends, trend semasa global yang tertinggi berkaitan dengan topik halal ialah restoran, makanan dan haram. Secara keseluruhannya, trend semasa global untuk tempoh 5 tahun kebelakangan ini digambarkan di dalam Rajah 1.

Perkembangan ini telah menarik minat dan komitmen di kalangan pihak yang berkepentingan di dalam industri ini untuk menambahbaik sistem dan strategi pengurusan pensijilan halal. Para pengusaha serta pengamal industri yang memasarkan produk-produk halal mereka di dalam negara dan di peringkat global telah menerima cabaran yang berterusan bukan hanya untuk memasarkan produk tetapi juga untuk memastikan agar produk yang dipasarkan ini terjamin mutu dan yang paling penting terjamin status halalnya di sepanjang pergerakan di dalam rantai bekalan produk tersebut. Perkembangan pesat yang telah turut menerima sokongan daripada pihak kerajaan seperti kemudahan dan bantuan di dalam aspek pelaburan dan perdagangan, penguasaan industri perkhidmatan dan kemunculan pasaran baru telah mewujudkan satu senario baru kepada ekonomi global yang lebih dinamik dan kompleks (Peter, Syed, & Meng, 2014).

Walaupun telah terdapat banyak kajian dilakukan berkaitan dengan pengurusan pensijilan halal. Kajian-kajian ini dikatakan kurang memberikan penekanan terhadap pembangunan dan perkembangan teori di dalam bidang pengurusan pensijilan halal (Ab Talib, Md. Sawari, Abdul Hamid, & Ai Chin, 2016). Hujah ini turut dikuatkan melalui kajian yang dilakukan sebelumnya (Aziz & Chok, 2013) yang menyatakan bahawa penyelidikan di dalam bidang pensijilan dan pengurusan makanan halal masih lagi berada di peringkat awal dan kekurangan aplikasi teori. Sesetengah aplikasi teori di dalam penyelidikan halal dikatakan tidak lengkap kerana tidak menyatakan faktor-faktor lazim seperti peranan keagamaan (Mukhtar & Mohsin Butt, 2012). Kertas konseptual ini disediakan untuk mengisi sebahagian daripada perbincangan berkaitan dengan penggunaan teori di dalam kajian pensijilan halal.

TEORI INSTITUSI DAN PENSIJILAN PENGURUSAN HALAL

Teori Institusi

Teori institusi memberi tumpuan kepada persoalan mengapa organisasi di dalam sesuatu bidang cenderung untuk melihat dan bertindak atas perilaku yang sama. Andaian asas di dalam teori ini ialah untuk mendalami pemahaman organisasi dalam ruang institusi yang lebih meluas (DiMaggio & Powell, 1991). Kajian terdahulu menggariskan beberapa ciri-ciri penting yang menjelaskan istilah institusi (Darono, 2012; Scott, 2008) antaranya ialah (i) merupakan sebuah organisasi pemikiran, (ii) mempunyai tingkat kekekalan, (iii) mempunyai tujuan yang ingin dicapai, (iv) mempunyai sumber untuk mencapai tujuannya, (v) dalam bentuk simbol-simbol dan (vi) memiliki dokumentasi sama ada dalam bentuk bertulis dan tidak bertulis.

Sesebuah organisasi dipengaruhi oleh tekanan normatif yang berbeza sama ada dari dalam atau luar organisasi (Zucker, 1987). Sebagai contoh, tekanan daripada luar organisasi adalah daripada persekitaran organisasi dan organisasi yang lain. Manakala struktur organisasi itu sendiri adalah contoh tekanan dalaman kepada organisasi. Contoh-contoh ini adalah antara aspek yang telah ditekankan di dalam kajian yang terdahulu (Zucker, 1987). Teori institusi dapat membantu menjelaskan tentang strategi atau tindak balas organisasi terhadap tekanan daripada persekitaran luaran (DiMaggio & Powell, 1983; DiMaggio & Powell, 2000). Dalam erti kata lain, ianya boleh digambarkan sebagai syarikat yang bertindak balas terhadap tekanan dan jangkaan daripada pihak luar (Mariotti, Kadasah, & Abdulghaffar, 2014). Kajian teori institusi ini tidak hanya tertumpu kepada sudut dalaman sesebuah syarikat seperti peraturan dan struktur kawal selia sahaja. Tetapi telah diperluaskan kepada syarikat yang lain di dalam industri yang sama (Hessels & Terjesen, 2010). Sarjana teori institusi bersetuju bahawa tekanan institusi boleh dibahagikan kepada dua kumpulan institusi, iaitu berpunca dari persekitaran makro-sosial dan hubungan antara organisasi.

Penggunaan teori institusi di dalam bidang yang berbeza telah memperkayakan teori ini dengan wujudnya sudut pandangan yang berbeza berdasarkan kepada perspektif bidang masing-masing. Jadual 1 di bawah adalah contoh perbezaan berdasarkan kepada cabang bidang disiplin ilmu seperti yang digambarkan oleh Bruton, Ahlstrom dan Li (2010) dalam membincangkan perbezaan aliran di dalam teori institusi:

Jadual 1: Perbezaan Penggunaan Teori Institusi

Ciri Utama	Cabang bidang Ekonomi/Politik	Cabang bidang Sosiologi/Organisasi
Andaian	Individu membuat keputusan berdasarkan kepada kemudahan dan keseragaman peraturan.	ndividu membuat keputusan berdasarkan kepada penemuan (<i>heuristic</i>).
Pendorong kepada peraturan	Tingkah laku dan prosedur, kawalan norma sosial secara formal.	Perkongsian budaya dan kognitif.
Hubungan di antara institusi dan organisasi	Institusi luar mewujudkan struktur untuk organisasi.	Organisasi menyesuaikan diri dan mematuhi nilai dan had yang telah ditetapkan oleh institusi masyarakat.

(Sumber: Bruton et. al, 2010, p. 430)

Kajian di dalam bidang pengurusan perniagaan mencadangkan definisi yang berbeza berkaitan teori institusi. Ianya berdasarkan kepada pendekatan yang dicadangkan oleh Lawrence, Hardy dan Phillips (2002) yang menyatakan bahawa teori institusi tersebar meluas secara amalan, teknologi atau kaedah-kaedah yang sama yang telah lama dipraktikkan oleh syarikat. Peralihan kepada teknologi, kaedah atau amalan yang berlainan akan melibatkan kos yang tinggi dan tidak efisien (Lawrence, et al., 2002). Berdasarkan kepada bidang ini, di dalam konteks pasaran makanan halal,

perubahan ini menggambarkan usaha syarikat bertindak balas kepada faktor-faktor luaran seperti memenuhi keperluan terhadap peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan contohnya keperluan piawaian di bawah sistem jaminan halal, atau untuk memenuhi permintaan pengguna pasaran halal.

Kertas konseptual ini menggunakan pendekatan teori insitisi oleh pengkaji terdahulu (DiMaggio & Powell, 1983; DiMaggio & Powell, 2000) dalam membincangkan motivasi di dalam bidang pensijilan pengurusan halal terhadap perubahan yang dihadapi berdasarkan kepada perkembangan semasa di dalam industri ini. Berdasarkan kepada teori institusi, syarikat beroperasi di dalam persekitaran yang diinstitusikan di mana akujanji perniagaan adalah terikat kepada sesuatu kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, dan dasar (Lawrence, Suddaby, & Leca, 2011).

Di dalam pasaran halal, Johan Fisher, seorang penyelidik di sebuah universiti di Denmark di dalam kajiannya (Fischer, 2012, 2015, 2016) menggambarkan bahawa industri ini diinstitusikan dengan agak mendalam oleh pihak berkuasa, termasuk penetapan beberapa aspek berkaitan dengan operasi syarikat, khususnya yang melibatkan pengurusan pensijilan halal. Perkembangan ini menyebabkan wujudnya tekanan untuk melakukan perubahan di kalangan organisasi di dalam industri ini. Terdapat tiga mekanisma tekanan persekitaran luaran di dalam teori institusi (DiMaggio & Powell, 1983; DiMaggio & Powell, 2000; Glover, Champion, Daniels, & Dainty, 2014) iaitu tekanan paksaan (*coercive*), normatif (*normative*) dan meniru (*mimetic*).

PENGUNAAN TEORI DI DALAM KAJIAN PENSIJILAN PENGURUSAN HALAL

Satu tinjauan berkaitan dengan penggunaan teori di dalam kajian yang lalu telah dilakukan untuk mendapatkan gambaran awal tentang fenomena ini. Tinjauan awal dilakukan di laman sesawang Google Scholars dengan menggunakan kata kunci khusus seperti halal dan pengurusan pensijilan halal. Data penyelidikan, pendekatan kajian, kata kunci dan teori yang digunapakai di dalam kertas kajian disenaraikan di dalam Jadual 2. Secara umumnya berdasarkan kepada tinjauan awal ini, kebanyakan kertas kajian yang telah dikenalpasti di dalam Jadual 2 ada melibatkan perbincangan teori, dari aspek konseptual (Ab Talib & Johan, 2012; Ab Talib, et al., 2016) sehinggalah kepada aplikasi penggunaan teori dan model termasuklah mengenalpasti konstruk dan pendekatan yang telah diasimilasikan bersesuaian dengan bidang yang dikaji iaitu aspek pensijilan pengurusan halal dan perkara yang berkaitan dengannya (Abdur Razzaque & Nosheen Chaudhry, 2013; Ahmad Tarmizi, Kamarulzaman, Abd Latiff, & Abd Rahman, 2014; Ali, Tan, & Ismail, 2017; Mukhtar & Mohsin Butt, 2012). Rajah 2 adalah ilustrasi awan perkataan¹ (*word cloud*) teori dan model yang dihasilkan berdasarkan kepada patah perkataan teori dan model yang dikenalpasti di dalam tinjauan awal ini. Tinjauan awal ini mendapati bahawa teori insitisi telah digunapakai di dalam kajian sebelum ini (Ab Talib, et al., 2016; Othman, Ahmad, & Zailani, 2009), di samping teori-teori lain seperti teori tingkah laku terancang, teori kesediaan. Othman,

¹¹ Awan perkataan dihasilkan dengan menggunakan aplikasi Wordclouds dilaman sesawang <https://www.wordclouds.com/>

et al. (2009) memberikan tumpuan kepada kajian empirikal terhadap kesan tekanan institusi di dalam industri makanan halal di Malaysia. Manakala kajian yang lain (Ab Talib & Johan, 2012; Ab Talib, et al., 2016) lebih memberi tumpuan kepada perbincangan konseptual ke atas teori institusi.

Rajah 2: Teori yang di dalam kajian terdahulu



Perkembangan Semasa Dan Tekanan Insitusi

Berdasarkan kepada kata kunci yang dikenalpasti di dalam di dalam Jadual 2, didapati terdapat peningkatan perhatian yang telah diberikan terhadap aspek aplikasi dan perbincangan tentang keperluan pensijilan halal sebagai satu keperluan di dalam industri dengan menggunakan teori seperti teori tingkah laku terancang, teori kesediaan dan teori institusi.

Teori institusi dilihat sesuai untuk diaplikasikan dalam usaha untuk menjelaskan perkembangan tekanan persekitaran terhadap keperluan pengurusan pensijilan halal. Pendekatan ini adalah selari dengan pendekatan kajian sebelum ini (Ab Talib, et al., 2016) dan ianya bertujuan untuk menambahbaik kajian sebelumnya dengan mengambilkira perkembangan semasa di dalam industri halal.

Perkembangan semasa seperti rantai bekalan halal, logistik halal, halal integriti, sistem jaminan halal dan perubahan gelagat pengguna menyebabkan berlakunya *isomorphism* atau penyeragaman di kalangan organisasi di dalam industri halal ini. Dalam membincangkan tekanan persekitaran dalam pengurusan persijilan halal berdasarkan kepada perkembangan semasa melalui lensa teori institusi, ianya perlu dilihat melalui tiga elemen utama di dalam teori institusi iaitu paksaan (*coercive*), normatif (*normative*) dan meniru (*mimetic*). Ketiga-tiga elemen ini menjelaskan tekanan persekitaran luaran yang dihadapi oleh organisasi.



Jadual 2: Kajian Lepas Berkaitan dengan Pensijilan Pengurusan Halal

Bil.	Penyelidik	Pendekatan Kajian	Kata Kunci	Teori/Model
1.	(Ab Talib & Johan, 2012)	Kertas konseptual	Halal, logistik halal, rantai bekalan halal, pembungkusan, budaya halal	-
2.	(Ab Talib, et al., 2016) (Abdur Razzaque & Nosheen Chaudhry, 2013)	Kertas konseptual – kualitatif Kuantitatif – kajian selidik	Halal, pensijilan halal, pasaran makanan halal, teori institusi Tingkah laku pengguna, pelabelan, australia, pengguna muslim, membuat keputusan, agama, penglibatan, keputusan pembelian, carian maklumat, label produk	Teori Institusi (<i>institutional theory</i>) Model proses membuat keputusan pengguna Islam, berdasarkan kepada teori tingkah laku terancang (<i>theory of planned behavior</i>)
3.	(Ahmad Tarmizi, et al., 2014)	Kuantitatif – kajian selidik	Kesiapan, logistik halal, penyedia logistik, <i>Halalan Toyibban</i>	Kesediaan ke arah logistik Halal, berdasarkan kepada teori kesediaan (<i>readiness theory</i>)
4.	(Ali, et al., 2017)	Kualitatif – temuduga	Malaysia, halal, industri makanan, integriti makanan, integriti rantai bekalan makanan, melindungi integriti makanan	Rantai bekalan makanan halal (<i>halal food supply chain</i>)
5.	(Fathi, Zailani, Iranmanesh, & Kanapathy, 2016)	Kuantitatif – kajian selidik	Malaysia, kesediaan untuk membayar, makanan Halal, pensijilan logistik halal	Kesediaan untuk membayar (<i>willingness to pay</i>)
6.	(Hassan, Ahmad, Hamid, & Zainuddin, 2016)	Kualitatif – temuduga	Rantai bekalan halal, pengurusan rantai bekalan, pelaksanaan sistem	-
7.	(Islam & Chandrasekaran, 2013)	Kertas konseptual	Pemasaran halal, pemasaran Islam, indeks noor brand, produk halal, jenama halal, pensijilan halal	-
8.	(Kamaruddin, Ibrahimi, & Shabudin, 2012)	Kualitatif – kajian selidik	Halal, logistik, kesediaan untuk membayar, cara hidup	Kesediaan untuk membayar logistik halal (<i>willingness to pay for halal logistic</i>), menggunakan model <i>logit</i>
9.	(Mukhtar & Mohsin Butt, 2012)	Kuantitatif – kajian selidik	Islam, tingkah laku pengguna, jenama, pemasaran Islam, pasaran halal, menjual	Teori tindakan beralasan (<i>theory of reasoned action</i>)



Bil.	Penyelidik	Pendekatan Kajian	Kata Kunci	Teori/Model
			ke pasaran Islam, pengguna Islam	
10.	(Noordin, Noor, & Samicho, 2014)	Kualitatif – temuduga	Pensijilan halal, kecekapan operasi, analisis rantaian nilai, kaedah sistem kerja, ekosistem	Pendekatan ekosistem <i>adaptive</i> (<i>adaptive ecosystem approach</i>)
11.	(Omar & Jaafar, 2011)	Kertas konseptual – kualitatif	Halal, makan halal	Rantaian bekalan halal (<i>halal supply chain</i>)
12.	(Othman, et al., 2009)	Kuantitatif – kaji selidik	Norma, organisasi, industri, meniru (<i>mimetic</i>), Malaysia	Teori Institusi (<i>institutional theory</i>), menggunakan senarai periksa tekanan institusi (<i>perceived institutional pressure checklist</i>)
13.	(Rezai, Mohamed, & Shamsudin, 2012a)	Kuantitatif – kaji selidik	Makanan yang dihasilkan, logo halal, keyakinan, pengguna muslim, model <i>logit</i>	Keyakinan pengguna terhadap produk makanan dilabel halal, model <i>logit</i>
14.	(Shafii & Khadijah, 2012)	Kualitatif – temuduga	Kebolehkesanan halal, pengeluaran makanan halal, pensijilan halal syariah	Element data pendorong kebolehkesanan (<i>elements of driving force of traceability</i>)
15.	(Tan, Razali, & Husny, 2012)	Kualitatif – temuduga	Teknologi maklumat dan komunikasi, halal logistik, pengangkutan halal, penerapan teknologi	Penerapan teknologi pengangkutan halal (<i>halal transportation's technology adoption</i>), berdasarkan kepada model penerapan dan penyebaran sistem/teknologi maklumat
16.	(Tieman & Che Ghazali, 2013)	Kertas konseptual – kualitatif	Pemerolehan halal, pembelian halal, rantaian bekalan halal, pematuhan halal, rantaian nilai Islam, halal, pembelian, Islam	Fungsi pembelian – matriks portfolio pembelian Kraljic dan model proses pembelian van Weele.
17.	(Zulfakar, Jie, & Chan, 2012)	Kertas konseptual – kualitatif, analisa kandungan	Rantaian bekalan makanan halal, integriti halal, kajian sastera, rangka konseptual	Integriti rantaian bekalan makanan halal (<i>halal food supply chain integrity</i>)

Secara ringkasnya, mekanisma paksaan merujuk kepada kuasa-kuasa politik dan peraturan yang dikenakan oleh pemerintah kerajaan (Fikru, 2014b). Mekanisma normatif pula menandakan tekanan untuk mematuhi industri norma dan jangkaan masyarakat (Fikru, 2014b; Tari, Heras-Saizarbitoria, & Dick, 2014). Manakala mekanisma meniru menunjukkan kecenderungan organisasi untuk meniru amalan terbaik pesaing (Mariotti, et al., 2014; Tari, et al., 2014).

Tekanan Paksaan (Coercive)

Tekanan ini berpunca daripada jangkaan rasmi dan tidak rasmi sama daripada peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa atau daripada organisasi lain. Kebergantungan kepada institusi luar mendorong organisasi untuk memenuhi hasrat dan jangkaan ke atas organisasi (Arpanutud, Keeratipibul, Charoensupaya, & Taylor, 2009). Peraturan yang ditetapkan adalah contoh tekanan daripada pihak berwajib atau kerajaan yang dikenakan ke atas organisasi (DiMaggio & Powell, 1983; DiMaggio & Powell, 2000).

Pengenalan peraturan dan penguatkuasaan peraturan oleh pihak berwajib adalah salah satu kaedah yang digunakan untuk memaksa syarikat-syarikat yang terlibat di dalam industri halal untuk mematuhi. Rezai, Mohamed, & Shamsudin (Rezai, et al., 2012a) di dalam kajiannya dengan jelas menyatakan bahawa, "*...jika produk didapati tidak halal atau status halalnya meragukan ... [pengilang] yang kemungkinan besar akan diberi amaran atau denda, serta boleh didakwa oleh pihak mahkamah*". Kenyataan ini merupakan contoh jangkaan yang dikenakan ke atas pengilang produk halal, yang mana pengilang perlulah memastikan status halal dan tidak berkompromi dengan perkara yang boleh menggugat status halal produk yang dikeluarkan. Tindakan undang-undang sekiranya jangkaan ini tidak dipenuhi adalah contoh tekanan secara paksaan yang dikenakan ke atas pengilang.

Pengurusan persijilan halal adalah merupakan pengesahan dan jaminan tentang status halal makanan, kegagalan untuk mematuhi boleh mengakibatkan pelaku dikenakan denda yang besar (Mohd Nawawi & Mohd Nasir, 2014).

Melalui penguatkuasaan undang-undang, peraturan dan standard, syarikat akan menanggung kos yang lebih tinggi contohnya perlu membayar denda kerana hukuman atas ketidakpatuhan. (Rezai, et al., 2012a; Rezai, Mohamed, & Shamsudin, 2012b). Oleh yang demikian, syarikat perlulah memastikan undang-undang, peraturan dan standard yang dikuatkuasakan sentiasa dipatuhi. Di negara ini, usaha penguatkuasaan tidak hanya tertumpu kepada satu-satu agensi sahaja, sebaliknya tanggungjawab ini digalas oleh pelbagai agensi berdasarkan kepada bidang kuasa yang tertentu seperti di dalam Jadual 3 di bawah:



Jadual 3: Peranan Agensi Kerajaan, Fungsi dan Bidang Kuasa

Komponen	Agensi	Bidang Kuasa
Standard kualiti	Jabatan Standard Malaysia	Mengawal selia penstandardan dan akreditasi. Berdasarkan kepada Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549) Meliputi Standard Malaysia:- <ul style="list-style-type: none">• MS 1514:2009• MS 1900:2004• MS 2300:2013• MS 2424:2012• MS 2565:2014• MS 2594:2015• MS 2610:2015• MS2627:2017• <i>Good Manufacturing Practice (GMP)</i>
Pengeluaran sijil halal, pemantauan dan audit	Bahagian Hub Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)	➤ Mengesahkan sesuatu produk mengikut garis panduan yang telah ditetapkan ➤ Mengeluarkan pensijilan halal
Pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	Memantau dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan penggunaan logo halal <ul style="list-style-type: none">• Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbendaharaan "Halal") 1975 dan Akta Perihal Dagangan 1972.• Akta Cap Dagangan 1976• Peraturan Cap Dagangan 1997
Latihan dan khidmat nasihat	Halal Development Corporation (HDC)	➤ Fokus kepada usaha pembangunan hub halal di peringkat antarabangsa ➤ Meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap pensijilan halal
Hal-ehwal peraturan saintifik	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia	Memastikan pengguna mendapat makanan yang selamat. <ul style="list-style-type: none">• Akta Makanan 1983• Peraturan Makanan 1985• Peraturan bagi Makanan dan Ramuan Makanan yang diperolehi melalui Bioteknologi Moden.• Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009• Peraturan Iradiasi Makanan 2011
Penyembelihan haiwan	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Premis penyembelihan dan pemprosesan hendaklah dikhususkan untuk aktiviti penyembelihan halal dan pemprosesan halal sahaja <ul style="list-style-type: none">• Akta Binatang 1953 (semakan 2006)• Akta Rumah Penyembelihan



Komponen	Agensi	Bidang Kuasa
		(Penswastaaan) 1993 • Akta Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Pembubaran) 1983
Kawalan barang import	Jabatan Kastam Di Raja Malaysia	Kawalan barangan import tenusu dan daging halal • Akta Kastam 1967 (Larangan Mengenai Import 1998)

Antara persoalan asas yang perlu dijelaskan serba ringkas mengapa perlunya wujud peraturan dan penguatkuasaan peraturan ini sedangkan tuntutan untuk mematuhinya telah pun diperjelaskan di dalam al-Quran. Firman-firman Allah S.W.T:

Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezeikkan kepadamu, dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya.

(Al-Maidah, 5: 88)

Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta "ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan kebohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tiadalah beruntung.

(Al-Nahl, 16: 116)

Walaupun telah terdapat penerangan yang jelas di dalam al-Quran, perkara ini tidak menghalang sesetengah sekelompok masyarakat yang beragama Islam untuk mengambil kesempatan ke atas masyarakat muslim yang lain. Sebagai contoh, skandal penipuan status daging yang berlaku di UK yang mana dua orang usahawan telah disabitkan kesalahan kerana konspirasi menipu pelanggan dengan membuat perakuan palsu berkaitan jenis daging yang dijual. Kedua-dua usahawan muslim tersebut telah menjual daging ayam belanda yang tidak halal sebagai daging kambing halal di serata UK di antara tahun 2013 and 2014 (Gibson, 2017). Agak memalukan, penyelewengan ini dilakukan oleh individu yang beragama Islam. Tindakan ini yang disifatkan oleh wartawan akhbar The Leicester Mercury² di UK sebagai satu pembelotan kepada seluruh masyarakat Muslim.

Penggubalan undang-undang, peraturan dan standard yang berkaitan dapat memberikan tekanan kepada pengusaha-pengusaha dan organisasi di dalam industri halal untuk mematuhinya. Ianya amatlah perlu dan bertepatan, bukan hanya untuk menyeragamkan pelaksanaan pensijilan pengurusan halal tetapi juga untuk

² The Leicester Mercury telah ditubuhkan pada tahun 1874 dan merupakan salah sebuah akhbar tempatan di UK yang telah lama beroperasi. Maklumat lanjut tentang akhbar ini boleh didapati di laman sesawang akhbar - <https://www.leicestermercury.co.uk/about-us/>.



memastikan pematuhannya dapat dikuatkuasakan untuk melindungi kepentingan semua pihak terutamanya pengguna produk halal.

Tekanan Normatif (Normative)

Normatif bermaksud berpegang teguh kepada norma, aturan dan ketentuan-ketentuan yang tertentu. Ianya juga boleh dirujuk kepada sikap dan kesetiaan terhadap aturan dan kaedah yang berlaku di dalam lingkungan tertentu. Tekanan normatif wujud daripada keperluan untuk mematuhi norma-norma ini, terutamanya tekanan daripada pengguna. Ianya juga merujuk satu usaha kolektif sama ada individu, kumpulan atau pemimpin dalam institusi yang menentukan cara dan bagaimana ahli kumpulan ini bekerja (DiMaggio & Powell, 1983; DiMaggio & Powell, 2000; Scott, 2005).

Dalam usaha untuk syarikat bersaing dengan lebih kompetitif di dalam pasaran Muslim sama ada di dalam mahu pun di peringkat antarabangsa, keperluan untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat melalui pensijilan halal adalah satu kelebihan dan dirujuk sebagai tekanan normatif kepada organisasi dan ianya menjadi norma di dalam perniagaan kini. Situasi merujuk kepada *isomorphism* normatif yang digambarkan sebagai tindakan untuk melakukan amalan yang dianggap biasa dalam industri (Fikru, 2014a). *Isomorphism* normatif berkait rapat dengan imej dan reputasi organisasi berdasarkan kepada satu kajian motivasi pelaksanaan pensijilan pengurusan persekitaran atau lebih dikenali dengan singkatan ISO 14001 yang dilaksanakan di Arab Saudi (Mariotti, et al., 2014). Mariotti, et al. (Mariotti, et al., 2014) seterusnya menegaskan tentang kepentingan untuk mematuhi norma industri kerana ianya memberikan kesan yang besar pada imej dan reputasi syarikat.

Maklumat ini amat penting khususnya dalam memahami pasaran Muslim yang sensitif terhadap isu berkaitan dengan status halal sesuatu produk (Rezai, et al., 2012a). Pensijilan halal ditafsirkan oleh pengguna sebagai petunjuk bahawa produk makanan adalah selamat, bersih dan sihat (Aziz & Chok, 2013; Henderson, 2016; Sharifah Zannierah Syed Marzuki, Colin Michael Hall, & Paul William Ballantine, 2012). Sebagai contoh, McDonald di Singapura telah dilaporkan mengalami peningkatan jualan setelah menerima pensijilan halal daripada pihak berkuasa (Henderson, 2016; Lada, Harvey Tanakinjal, & Amin, 2009). Kegagalan mempamerkan logo halal pada produk keluaran syarikat berkemungkinan akan mengakibatkan penolakan di kalangan pelanggan Muslim. Oleh yang demikian, syarikat pengeluar yang mensasarkan pasaran Muslim perlu memastikan bahawa produk keluaran syarikat telah melalui proses pensijilan dan logo pensijilan tersebut dipamerkan pada produk yang dipasarkan kerana kajian telah menunjukkan bahawa pensijilan halal menggambarkan imej dan reputasi syarikat.

Walaupun pasaran produk halal mempunyai potensi pasaran yang besar, di samping untuk memenuhi kewajipan sebagai seorang Muslim, terdapat banyak cabaran yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh syarikat-syarikat yang menceburi di



dalam industri ini berikutan kesedaran halal dan 'diet halal'³ yang semakin meningkat di kalangan pengguna sama ada dikalangan pelanggan Islam maupun bukan Islam. Perkara ini turut diperkuatkan lagi oleh pengasas dan pengarah Forum Halal Dunia pada tahun 2013 yang menegaskan bahawa, "...pengguna, perniagaan dan badan kerajaan Islam menegaskan minat mereka terhadap industri ini dan menjadi semakin berani menyuarakan pendapat mereka tentang keperluan produk, perkhidmatan dan perniagaan untuk mengembangkan sektor ini" (Janmohamed, 2013).

Penubuhan agensi yang berperanan untuk menggalak pensijilan halal di kalangan syarikat yang terlibat di dalam pasaran halal seperti Halal Development Corporation (HDC) turut boleh dilihat sebagai faktor pemangkin yang mewujudkan tekanan kepada syarikat-syarikat yang terlibat untuk melakukan pensijilan halal. Antara peranan yang dimainkan oleh HDC ialah menyediakan latihan dan membantu penambahbaikan produk agar setanding dengan pasaran luar. Dalam konteks pensijilan makanan halal, kajian ini mengusulkan bahawa syarikat perlu mendapatkan keyakinan daripada pengguna Islam yang sensitif dengan status makanan halal yang mana penggunaannya adalah fardu dan ibadah (Sharifah Zannierah Syed Marzuki, Collin Michael Hall, & Paul William Ballantine, 2012) dan dilakukan sebagai usaha untuk melindungi iman seseorang (Regenstein, Chaudry, & Regenstein, 2003). Oleh yang demikian usaha untuk mendapat pengiktirafan pasaran pengguna melalui pensijilan halal adalah penting dan menjadi perkara yang paling asas dalam menjadikan syarikat lebih berdaya saing. Dalam perspektif ini, andaian boleh dibuat bahawa kerana pengambilan makanan halal adalah satu norma di negara yang majoritinya masyarakat Muslim, syarikat mengenalpasti perkara ini sebagai tekanan yang wujud di persekitaran luarannya dan seterusnya menjadikannya bermotivasi untuk melaksanakan pengurusan pensijilan halal.

Tekanan Meniru (Mimetic)

Sesuatu keadaan ketidakpastian yang memberi tekanan kepada syarikat untuk meniru amalan terbaik yang dilakukan oleh pesaing di dalam industri. Ketidakpastian luaran berpunca daripada struktur kawal selia, agensi kerajaan, undang-undang serta pandangan umum. Organisasi dikatakan mempunyai kecenderungan untuk meniru perubahan organisasi yang lain kerana kekurangan maklumat dan pengetahuan tentang pasaran serta matlamat organisasi yang tidak jelas (DiMaggio & Powell, 1983; DiMaggio & Powell, 2000). Matlamat organisasi yang samar boleh memberikan implikasi

³ Istilah diet halal telah turut digunakan oleh syarikat Cadbury dalam menjawab tindak balas negatif dari beberapa pelanggan syarikat apabila gambar seorang pegawai syarikat Cadbury yang memegang sijil pensijilan halal telah muncul di laman media sosial dengan paparan penulisan yang membawa maksud... "*Cadbury dengan bangga memaparkan sijil halal yang baru diperolehi kelulusannya, lulus...*". Wakil syarikat Cadbury menjelaskan bahawa tiada produk di UK yang disahkan halal dan pihak syarikat tidak pernah membuat apa-apa perubahan kepada kandungan coklat untuk menjadikannya halal. Produk syarikat yang sedia ada dikatakan bersesuaian dengan kehendak pelanggan yang mengikuti keperluan diet halal, bersamaan dengan keperluan diet makanan yang lain seperti roti dan air (Rodionova, 2017).

tekanan kepada organisasi dalam menghadapi tekanan luaran. Oleh kerana kelemahan ini, meniru merupakan pendekatan yang terbaik kerana ianya menawarkan kemudahan dalam merumuskan objektif atau strategi organisasi (DiMaggio & Powell, 1983; DiMaggio & Powell, 2000). Hanya amalan yang terbaik dan terbukti berjaya sahaja akan ditiru.

Kajian menunjukkan bahawa organisasi bermotivasi untuk melaksanakan pensijilan halal kerana terpengaruh dengan keinginan untuk mencapai kejayaan yang sama yang telah dinikmati oleh organisasi yang mempunyai pensijilan halal (Fikru, 2014a, 2014b; Mariotti, et al., 2014). Keadaan ini memberikan tekanan yang mendorong kepada pendekatan untuk meniru tindakan pesaing yang telah berjaya.


Sebagai contoh, dalam satu kajian pensijilan makanan yang dilakukan di Thailand menunjukkan bahawa semakin besar bilangan firma komited untuk pensijilan, ianya akan mendorong firma lain untuk turut serta menerima dan melakukannya (Arpanutud, et al., 2009). Situasi ini tidak hanya terpakai untuk pasaran domestik tetapi juga di peringkat antarabangsa. Di peringkat antarabangsa, firma antarabangsa meniru tindakan firma tempatan dan sebaliknya untuk mengekalkan kelebihan daya saing di dalam pasaran (Fikru, 2014a, 2014b). Peniruan yang memberikan prestasi positif akan menggalakkan lebih banyak lagi syarikat melaksanakan pensijilan halal (Othman, et al., 2009). Tekanan untuk meniru adalah untuk mengekalkan kelangsungan perniagaan dengan menggunakan strategi halal untuk melambangkan kebersihan dan kesegaran (Aziz & Chok, 2013) kerana pengguna lebih cenderung untuk membeli produk halal yang telah disahkan (Verbeke, Rutsaert, Bonne, & Vermeir, 2013).

Rajah 3 di bawah adalah model yang menerangkan tekanan luaran yang menjadi motivasi untuk pelaksanaan pensijilan halal oleh organisasi dengan menggunakan contoh perkembangan semasa. Organisasi menjadi pusat tumpuan di dalam model ini dan berada di tengah-tengah bulatan model. Sebagai salah sebuah entiti di dalam komuniti industri halal, organisasi akan sentiasa berinteraksi dengan persekitarannya sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung. Interaksi ini digambarkan melalui lingkungan kedua dan ketiga yang mengelilingi organisasi yang digambarkan sebagai bulatan kecil yang berada di tengah-tengah bulatan besar. Persekitaran luaran ini seterusnya menumbulkan tekanan-tekanan kepada organisasi. Selari dengan kajian sebelum ini (Ab Talib, et al., 2016) tekanan luaran ini datangnya daripada kerajaan, pengguna dan juga pesaing.

Keadaan ini telah menarik sebilangan besar organisasi untuk melakukan pensijilan berikutan kebimbangan kehilangan sebahagian besar pelanggan kepada firma pesaing. Sebagai contoh, kes ubat gigi berjemana Colgate, yang tidak mempunyai logo halal telah mencetuskan kebimbangan kepada masyarakat setempat sekitar tahun 2005, walaupun Syarikat Colgate-Palmolive Malaysia telah beroperasi lebih 50 tahun di Malaysia pada ketika itu (The Halal Journal, 2006). Akibatnya, sebahagian pengguna telah beralih kepada jenama lain atas alasan produk tidak mempunyai pengesahan pensijilan halal. Pada ketika itu jenama Mu'min keluaran syarikat bumiputera telah mempunyai pengiktirafan pensijilan halal dan mendapat

kepercayaan pengguna walaupun jenama tersebut masih baru di pasaran (Sinar Harian, 2015). Berikutan timbulnya keraguan di kalangan pengguna, pihak pengurusan Colgate-Palmolive Malaysia telah mengambil langkah drastik termasuk terpaksa mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kesihatan dan seterusnya bekerjasama dengan pihak JAKIM untuk memastikan proses pengeluaran adalah mematuhi piawaian pensijilan halal untuk meletakkan tanda logo halal di pembungkusan produk keluarannya (The Halal Journal, 2006).

Rajah 3: Aplikasi teori institusi dalam pengurusan pensijilan halal



KESIMPULAN

Pengurusan pensijilan halal telah mendapat banyak tumpuan kajian dalam usaha untuk merungkai isu dari pelbagai aspek seperti rantai dan persepsi pengguna terhadap produk halal. Namun, keperluan untuk memahami dan membangunkan teori yang mendasari perkembangan pengurusan pensijilan halal turut menjadi faktor penting yang tidak boleh diambil ringan. Pembangunan teori dan kajian empirikal berdasarkan kepada teori-teori tersebut akan membolehkan aktiviti pengumpulan maklumat penting yang dapat membantu pihak yang terlibat di dalam industri halal ini merangka strategi sama ada untuk meningkatkan lagi daya saing atau membantu dalam penggubalan sesuatu dasar dan peraturan demi untuk mengembangkan lagi industri ini. Hal ini bertepatan dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah hub halal melalui pelbagai inisiatif.



Kertas konseptual ini mengusulkan penggunaan teori institusi di dalam kajian pengurusan pensijilan halal dan seterusnya membincangkan faktor-faktor tekanan terhadap organisasi di dalam industri halal dengan menggunakan lensa teori institusi berdasarkan kepada tiga elemen tekanan dengan merujuk kepada perkembangan semasa. Model konseptual yang diketengahkan memberikan tumpuan kepada motivasi luaran yang mendorong organisasi melakukan perubahan untuk mendapatkan pensijilan halal. Adalah diharapkan, kertas konseptual ini dapat menyumbang kepada kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh dalam usaha untuk memahami industri halal. Aspek kajian juga diharapkan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti yang berkaitan dengan rantai bekalan sahaja tetapi akan turut meliputi aspek prestasi, kualiti amalan standard halal, perkara-perkara yang mendorong kepada ketidakakuran, titik kritikal halal dan juga kesan globalisasi industri halal. Selaras dengan perbezaan aliran di dalam teori institusi yang diketengahkan oleh Bruton, et al. (Bruton, et al., 2010), satu kajian yang lebih menyeluruh patut dilakukan untuk mengenalpasti perbezaan yang terdapat di dalam aliran cabang bidang pengurusan persijilan halal. Keperluan untuk mematuhi *Syariat* adalah contoh yang paling ketara di dalam industri makan halal.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ab Talib, M. S., & Johan, M. R. M. (2012). Issues in halal packaging: a conceptual paper. *International Business and Management*, 5(2), 94-98.

Ab Talib, M. S., Md. Sawari, S. S., Abdul Hamid, A. B., & Ai Chin, T. (2016). Emerging halal food market: an Institutional Theory of Halal certificate implementation. *Management Research Review*, 39(9), 987-997.

Abdul-Talib, A.-N., & Abd-Razak, I.-S. (2013). Cultivating export market oriented behavior in halal marketing: Addressing the issues and challenges in going global. *Journal of Islamic Marketing*, 4(2), 187-197.

Abdur Razzaque, M., & Nosheen Chaudhry, S. (2013). Religiosity and Muslim consumers' decision-making process in a non-Muslim society. *Journal of Islamic Marketing*, 4(2), 198-217.

Adams, I. A. (2011). Globalization: Explaining the dynamics and challenges of the halal food surge. *Intellectual Discourse*, 19(1), 123.

Ahmad Tarmizi, H., Kamarulzaman, N. H., Abd Latiff, I., & Abd Rahman, A. (2014). Factors behind third-party logistics providers readiness towards Halal logistics. *International Journal of Supply Chain Management*, 3(2).

Ali, M. H., Tan, K. H., & Ismail, M. D. (2017). A supply chain integrity framework for halal food. *British Food Journal*, 119(1), 20-38.



- Arpanutud, P., Keeratipibul, S., Charoensupaya, A., & Taylor, E. (2009). Factors influencing food safety management system adoption in Thai food-manufacturing firms: Model development and testing. *British Food Journal*, 111(4), 364-375.
- Aziz, Y. A., & Chok, N. V. (2013). The role of Halal awareness, Halal certification, and marketing components in determining Halal purchase intention among non-Muslims in Malaysia: A structural equation modeling approach. *Journal of International Food & Agribusiness Marketing*, 25(1), 1-23.
- Bruton, G. D., Ahlstrom, D., & Li, H. L. (2010). Institutional theory and entrepreneurship: where are we now and where do we need to move in the future? *Entrepreneurship Theory and Practice*, 34(3), 421-440.
- Darono, A. (2012). *Penggunaan Teori Institusional dalam Penelitian Teknologi Informasi dan Komunikasi di Indonesia*. Paper presented at the Seminar Nasional Aplikasi Teknologi Informasi (SNATI).
- DiMaggio, P. J., & Powell, W. (1983). The iron cage revisited: Institutional isomorphism and collective rationality in organizational fields. *American Sociological Review*, 48(2), 147-160.
- DiMaggio, P. J., & Powell, W. W. (1991). *The New Institutionalism in Organizational Analysis* (Vol. 17): University of Chicago Press Chicago, IL.
- DiMaggio, P. J., & Powell, W. W. (2000). The iron cage revisited institutional isomorphism and collective rationality in organizational fields *Economics Meets Sociology in Strategic Management*: Emerald Group Publishing Limited, 143-166
- Fathi, E., Zailani, S., Iranmanesh, M., & Kanapathy, K. (2016). Drivers of consumers' willingness to pay for halal logistics. *British Food Journal*, 118(2), 464-479.
- Fikru, M. G. (2014a). Firm level determinants of international certification: evidence from Ethiopia. *World Development*, 64, 286-297.
- Fikru, M. G. (2014b). International certification in developing countries: The role of internal and external institutional pressure. *Journal of Environmental Management*, 144, 286-296.
- Fischer, J. (2012). Branding halal: A photographic essay on global Muslim markets. *Anthropology Today*, 28(4), 18-21.
- Fischer, J. (2015). Malaysian diaspora strategies in a globalized Muslim market. *Geoforum*, 59, 169-177.
- Fischer, J. (2016). Manufacturing halal in Malaysia. *Contemporary Islam*, 10(1), 35-52.



- Gibson, S. (2017). Businessmen who sold turkey but claimed it was halal lamb across UK 'betrayed all Muslims'. *Mirror*, (20 April 2017). Retrieved from <https://www.mirror.co.uk/news/uk-news/businessmen-who-sold-turkey-claimed-10259831>
- Glover, J. L., Champion, D., Daniels, K. J., & Dainty, A. J. D. (2014). An Institutional Theory perspective on sustainable practices across the dairy supply chain. *International Journal of Production Economics*, 152, 102-111. doi: <https://doi.org/10.1016/j.ijpe.2013.12.027>
- Hassan, W. A. W., Ahmad, R. M. T. R. L., Hamid, A., & Zainuddin, N. M. M. (2016). The Perception on Halal Supply Chain Management Systems Implementation of SMEs in Selangor. *Indian Journal of Science and Technology*, 9(34).
- Henderson, J. C. (2016). Halal food, certification and halal tourism: Insights from Malaysia and Singapore. *Tourism Management Perspectives*, 19, 160-164. doi: <https://doi.org/10.1016/j.tmp.2015.12.006>
- Hessels, J., & Terjesen, S. (2010). Resource dependency and institutional theory perspectives on direct and indirect export choices. *Small Business Economics*, 34(2), 203-220.
- International Trade Centre. (2015). From niche to mainstream - Halal goes global. Geneva: International Trade Centre.
- Islam, T., & Chandrasekaran, U. (2013). Halal marketing: Growing the pie. *International Journal of Management Research and Reviews*, 3(12), 3938.
- Ismaeel, M., & Blaim, K. (2012). Toward applied Islamic business ethics: responsible halal business. *Journal of Management Development*, 31(10), 1090-1100.
- Janmohamed, S. (2013). Halal: it's not just what you eat. *The National* (4 April 2013). Retrieved from <https://www.thenational.ae/uae/halal-it-s-not-just-what-you-eat-1.361382>
- Kamaruddin, R., Iberahim, H., & Shabudin, A. (2012). Willingness to pay for halal logistics: The lifestyle choice. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 50, 722-729.
- Lada, S., Harvey Tanakinjal, G., & Amin, H. (2009). Predicting intention to choose halal products using theory of reasoned action. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2(1), 66-76.
- Lawrence, T., Hardy, C., & Phillips, N. (2002). Institutional effects of interorganizational collaboration: The emergence of proto-institutions. *Academy of Management Journal*, 45(1), 281-290.



- Lawrence, T., Suddaby, R., & Leca, B. (2011). Institutional work: Refocusing institutional studies of organization. *Journal of Management Inquiry*, 20(1), 52-58.
- Mariotti, F., Kadasah, N., & Abdulghaffar, N. (2014). Motivations and barriers affecting the implementation of ISO 14001 in Saudi Arabia: an empirical investigation. *Total Quality Management & Business Excellence*, 25(11-12), 1352-1364.
- Marzuki, S. Z. S., Hall, C. M., & Ballantine, P. W. (2012). Restaurant manager and halal certification in Malaysia. *Journal of Foodservice Business Research*, 15(2), 195-214.
- Marzuki, S. Z. S., Hall, C. M., & Ballantine, P. W. (2012). Restaurant managers' perspectives on halal certification. *Journal of Islamic Marketing*, 3(1), 47-58.
- Mohd Nawī, N., & Mohd Nasir, N. I. (2014). Consumers' attitude toward the food safety certificate (FSC) in Malaysia. *Journal of Food Products Marketing*, 20(sup1), 140-150.
- Mukhtar, A., & Mohsin Butt, M. (2012). Intention to choose Halal products: the role of religiosity. *Journal of Islamic Marketing*, 3(2), 108-120.
- Noordin, N., Noor, N. L. M., & Samicho, Z. (2014). Strategic approach to halal certification system: An ecosystem perspective. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 121, 79-95.
- Omar, E. N., & Jaafar, H. S. (2011). *Halal Supply Chain in the Food Industry-A Conceptual Model*. Paper presented at the Business, Engineering and Industrial Applications (ISBEIA), 2011 IEEE Symposium on.
- Othman, R., Ahmad, Z. A., & Zailani, S. (2009). The effect of institutional pressures in the Malaysian halal food industry. *International Business Management*, 3(4), 80-84.
- Peter, A., Syed, Z. A., & Meng, C. W. (2014). Revisiting the theories of internationalization and foreign market entry mode: A critical review. *International Journal of Business and Commerce*, 4(1), 37-86.
- Regenstein, J., Chaudry, M., & Regenstein, C. (2003). The kosher and halal food laws. *Comprehensive Reviews in Food Science and Food Safety*, 2(3), 111-127.
- Rezai, G., Mohamed, Z., & Shamsudin, M. N. (2012a). Assessment of consumers' confidence on halal labelled manufactured food in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science & Humanity*, 20(1), 33-42.
- Rezai, G., Mohamed, Z., & Shamsudin, M. N. (2012b). Non-Muslim consumers' understanding of Halal principles in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, 3(1), 35-46.



- Rodionova, Z. (2017). Cadbury forced to explain why its chocolate is halal after being accused of 'Muslim appeasement'. (22 March 2017). Retrieved from <https://www.independent.co.uk/news/business/news/cadbury-halal-chocolate-angry-customers-muslim-boycott-threat-a7642991.html>
- Scott, W. R. (2005). Institutional theory: Contributing to a theoretical research program. *PGreat Minds in Management: The process of Theory Development*, 37, 460-484.
- Scott, W. R. (2008). Approaching adulthood: the maturing of institutional theory. *Theory and Society*, 37(5), 427.
- Shafie, S., & Othman, M. N. (2006). *Halal Certification: An International Marketing Issues and Challenges*. Paper presented at the Proceeding at the International IFSAM VIIIth World Congress.
- Shafii, Z., & Khadijah, W. (2012). Halal traceability framework for halal food production. *World Appl Sci J*, 17, 1-5.
- Sinar Harian. (2015, 25 Februari). Mu'min peneraju ubat gigi halal, *Sinar Harian*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/mu-min-peneraju-ubat-gigi-halal-1.363136>
- Tan, M. I. I., Razali, R. N., & Husny, Z. J. (2012). *The Adoption of Halal Transportations Technologies for Halal Logistics Service Providers in Malaysia*. Paper presented at the Proceedings of World Academy of Science, Engineering and Technology.
- Tarí, J. J., Heras-Saizarbitoria, I., & Dick, G. (2014). Internal and external drivers for quality certification in the service industry: Do they have different impacts on success? *Service Business*, 8(2), 337-354.
- The Halal Journal. (2006). Colgate Reassures Public on Halal Status. *The Halal Journal*, Nov/Dec, 39. Retrieved from https://issuu.com/the-halal-journal/docs/nov-dec2006__20100721_072011/39
- Tieman, M., & Che Ghazali, M. (2013). Principles in halal purchasing. *Journal of Islamic Marketing*, 4(3), 281-293.
- Verbeke, W., Rutsaert, P., Bonne, K., & Vermeir, I. (2013). Credence quality coordination and consumers' willingness-to-pay for certified halal labelled meat. *Meat Science*, 95(4), 790-797.
- Wilson, J. A., & Liu, J. (2010). Shaping the halal into a brand? *Journal of Islamic Marketing*, 1(2), 107-123.
- Zucker, L. G. (1987). Institutional theories of organization. *Annual Review of Sociology*, 13(1), 443-464.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

Zulfakar, M. H., Jie, F., & Chan, C. (2012). *Halal Food Supply Chain Integrity: From a Literature Review to a Conceptual Framework*. Paper presented at the 10th ANZAM Operations, Supply Chain and Services Management Symposium.